

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS : REKA BENTUK PAKAIAN
KOD KURSUS : BBR 20603
PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL
(SEKOLAH RENDAH) DENGAN
KEPUJIAN
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2012 / JANUARI 2013
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN :

1. JAWAB **SEMUA SOALAN** DI BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B, SERTA MANA-MANA **DUA (2)** SOALAN DI **BAHAGIAN C**.
2. JAWAPAN **BAHAGIAN A** DAN **B** HENDAKLAH DIJAWAB DALAM KERTAS SOALAN INI. MANAKALA JAWAPAN BAGI **BAHAGIAN C** HENDAKLAH MENGGUNAKAN BUKU SKRIP JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.
3. KERTAS SOALAN HENDAKLAH DISERAHKAN BERSAMA BUKU SKRIP JAWAPAN ANDA PADA AKHIR PEPERIKSAAN

Nama Calon :
Matrik :
Kad Pengenalan :
Seksyen :
Nama Pensyarah :

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 16 HALAMAN BERCETAK

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN

REKA BENTUK PAKAIAN

NO. KOD : BBR 20603 TARIKH : JANUARI 2013

NO. MATRIK : _____ MASA : 2 Jam 30 minit

NO. KAD PENGENALAN : _____

KERTAS SARANAN JAWAPAN BAHAGIAN A

ARAHAN KEPADA CALON :

Bulatkan huruf-huruf di bawah yang bertepatan dengan saranan jawapan yang difikirkan paling tepat pada soalan yang dikemukakan.

- | | | | | | | | | | |
|-----|---|---|---|---|-----|---|---|---|---|
| 1. | A | B | C | D | 11. | A | B | C | D |
| 2. | A | B | C | D | 12. | A | B | C | D |
| 3. | A | B | C | D | 13. | A | B | C | D |
| 4. | A | B | C | D | 14. | A | B | C | D |
| 5. | A | B | C | D | 15. | A | B | C | D |
| 6. | A | B | C | D | 16. | A | B | C | D |
| 7. | A | B | C | D | 17. | A | B | C | D |
| 8. | A | B | C | D | 18. | A | B | C | D |
| 9. | A | B | C | D | 19. | A | B | C | D |
| 10. | A | B | C | D | 20. | A | B | C | D |

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

S1 Kemahiran asas dalam Kurikulum Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (KHSR) membolehkan murid-murid berdikari dan membentuk keyakinan diri.

Dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi, murid-murid mesti menguasai dua kemahiran iaitu kemahiran manipulatif dan kemahiran

- A projek.
- B proses.
- C praktis.
- D perekaan.

S2 Manakah di antara berikut merupakan fabrik yang diperbuat daripada gentian batang pokok flax?

- A Jut.
- B Rami.
- C Linen.
- D Kapas.

S3 Gentian nilon (*Poliamida*) berbeza dengan gentian sintetik yang lain kerana ia diperbuat daripada bahan sintetik asas berikut:

- A Etilena.
- B Ammonia.
- C Petroleum.
- D Arang batu.

S4 Antara fungsi pakaian ialah melindungi manusia dalam cuaca yang sejuk dan panas. Fabrik yang manakah di bawah ini sesuai untuk tujuan cuaca yang sejuk?

- A Linen.
- B Kapas.
- C Polyster.
- D Benang Sayat/Bulu biri-biri.

S5



Rajah 1

Kemajuan teknologi dapat menyalurkan maklumat tentang perkembangan fesyen dalam serta luar negara dan seterusnya memberi pengetahuan dan kemahiran dalam pembuatan fabrik.

Merujuk **Rajah 1**, pakaian yang dipakai oleh rakyat negara kita telah dipengaruhi oleh faktor


- A sosial.
- B agama.
- C geografi.
- D kepercayaan.

S6 Prinsip seni reka menggariskan beberapa panduan untuk menghasilkan rekaan yang seimbang. Elemen yang manakah dapat menjelaskan unsur keseimbangan?

- A Garisan berpusat yang diulang-ulang.
- B Garisan simetri di kiri dan kanan pakaian.
- C Corak yang diletak di satu tempat tumpuan.
- D Corak yang diulang-ulang di serata pakaian.

S7 Kelim dijahit bertujuan menyambung atau mencantumkan dua dan lebih kepingan fabrik.

Rajah 2 menunjukkan kelim papan tangan. Susunkan langkah-langkah yang betul untuk menjahit kelim tersebut



Rajah 2 Kelim Papan Tangan


- i. Semat, jelujur dan jahit mesin di garisan pepaduan.
- ii. Temukan kedua-dua sebelah luar fabrik berhadapan.
- iii. Jahit semat tepi yang berlipat ke bahagian belakang pakaian.
- iv. Gunting basi kelim pada bahagian belakang sehingga 6 mm dan bahagian hadapan sehingga 1.2 cm.

- A i, ii, iii dan iv.
- B ii, iii, iv dan i.
- C ii, i, iv dan iii.
- D ii, i, iii dan iv.

S8 Belah dibuat pada pakaian bertujuan untuk memudahkan pakaian dipakai atau ditanggalkan. Belah boleh dibuat di garis leher, pinggang, di rusuk dan di lengan mengikut fesyen sesuatu pakaian itu. Belah yang dibuat terlalu pendek pada pakaian akan menyebabkan

- A pakaian akan menjadi sempit.
- B pelah itu susah dikancingkan.
- C memudahkan pakaian dipakai dan ditanggalkan.
- D pakaian tidak akan tahan lama kerana belah akan cepat koyak.

S9




Rajah 3

Kancing biasanya dilekatkan pada lipat tindih atas dan lipat tindih bawah belah. Cara-cara melekatkan kancing pada pakaian bergantung kepada jenis kancing yang dipilih. Kancing yang paling sesuai dipadankan dengan pakaian dalam **Rajah 3** ialah.....

- A zip.
- B rulo.
- C butang dan rumah butang.
- D butang dan lubang butang bersirat.

S10




Rajah 4

Anda sedang menyediakan proses jahitan penghilangan gelembung seperti **Rajah 4**, kewajaran jelujur tegak atau serong dibuat pada lisu tersebut adalah

- A mencantikkan lisu.
- B menetapkan kedudukan lisu.
- C mengukuhkan kedudukan lisu.
- D memudahkan kerja semasa menekan lisu.

S11 Penyudah tepi adalah proses jahitan yang dibuat untuk melindungi, mengemas, mengukuh dan menghias tepi pakaian dan kelengkapan rumahtangga daripada berjerumbai atau berjurai-jurai.

Apakah jenis penyudah tepi yang sesuai dibuat pada **Rajah 5**.



Rajah 5

- A Lapik lurus.
- B Kolar lurus.
- C Lapik berbentuk.
- D Kolar kemeja.

- S12** Kolar lurus akan terletak rata dan kemas di garis leher jika kolar dijahit dengan menggunakan teknik dan cara yang betul.

Jelaskan satu teknik yang digunakan untuk menghasilkan kolar lurus terletak rata dan kemas di garis leher.

- A Jahit tindih di sepanjang garis stail kolar lurus.
- B Seterika di sepanjang cantuman garis leher dan kolar.
- C Snip dan trim basi garis leher dan kolar sebelum menjahit sembat.
- D Menemukan garis tengah kolar dengan garis tengah badan belakang.

- S13** Mereka cipta stail pakaian adalah salah satu tajuk yang terdapat dalam Pro Forma Reka Bentuk Pakaian. Di antara berikut manakah yang perlu diterapkan untuk mereka satu fesyen pakaian yang tulen ?


- A Stail, corak dan warna.
- B Elemen dan prinsip seni reka.
- C Perkembangan fesyen semasa.
- D Mereka cipta berbantuan komputer.

- S14** Melakar pakaian adalah salah satu proses yang perlu dibuat sebelum projek pakaian atau langkah-langkah menjahit pakaian dilaksanakan. Mengapakah lakaran stail pakaian perlu dibuat?

- i. Menunjukkan ciri stail pakaian
- ii. Memberi gambaran sebenar stail pakaian
- iii. Memberi gambaran pakaian yang akan dihasilkan
- iv. Memberi gambaran bahan dan alatan yang diperlukan

- A i dan ii sahaja.
- B i dan iii sahaja.
- C ii dan iv sahaja.
- D iii dan iv sahaja.


S15 Rajah 6, di bawah menunjukkan cara mengambil ukuran badan bahagian



Rajah 6

- A atas.
- B hadapan.
- C tengah hadapan.
- D tengah belakang.

S16 Tanda pola yang ditunjukkan dalam Rajah 7, menunjukkan tanda



Rajah 7

- A garisan pepaduan.
- B tanda lisu perhiasan.
- C tanda lisu pepaduan.
- D tanda lubang butang.

- S17** Menggunting fabrik adalah salah satu proses membuat pakaian. Apakah tujuan tangan kiri menekan fabrik semasa proses menggunting dilakukan?
- A Mengelakkan fabrik berkedut.
 - B Mengelakkan fabrik terkoyak.
 - C Mengelakkan fabrik daripada berubah kedudukan.
 - D Mengelakkan fabrik daripada susah hendak dijahit.
- S18** Apakah tujuan menekan dan menseterika tiap-tiap proses jahitan yang siap semasa menjahit pakaian?
- A Pakaian akan siap dengan kemas dan cantik.
 - B Mengelakkan pakaian daripada menjadi kecut.
 - C Membolehkan jahitan mesin kelihatan lebih kemas.
 - D Mengelakkan pakaian daripada disemat dan dijelujur.
- S19** Pernyataan yang manakah tepat mengenai pembelajaran berasaskan kompetensi?
- A Pembelajaran secara kolaborasi diberi keutamaan kepada pelajar.
 - B Pembelajaran tahap tinggi dijalankan setelah kompetensi minima dicapai.
 - C Pembelajaran ini lebih memberi penekanan kepada beberapa spek amali sahaja.
 - D Pembelajaran berfokus kepada pentaksiran kompetensi dan penyediaan rekod pencapaian.
- S20** Pentaksiran kompetensi merupakan proses mendapat bukti (eviden) dan mentaksir tahap kompetensi dari aspek-aspek berikut **kecuali**
- A sikap.
 - B teori.
 - C kemahiran.
 - D pengetahuan.

BAHAGIAN B (40 Markah)

S1 Fabrik buatan manusia ialah gentian selulosa terjana semula yang diperolehi daripada campuran bahan mentah, iaitu palpa kayu atau kapas dan dicampurkan dengan bahan kimia. Contoh fabrik buatan ialah seperti nilon, rayon viskon, rayon asetat, terylene dan lain-lain lagi.

(a) Senaraikan **empat** kebaikan fabrik rayon asetat.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

(4 markah)

(b) Jelaskan perbezaan ciri-ciri gentian berikut

	Linen	Sutera
Keselesaan		
Kekenyalan		
Keteguhan		

(6 markah)

S2 Pakaian sangat penting dalam kehidupan seharian kita. Pada ketika ini terdapat pelbagai jenis pakaian yang diperbuat daripada pelbagai jenis fabrik. Selain daripada itu pakaian yang dipakai juga mempunyai pelbagai bentuk dan fesyen.

(a) Nyatakan dua jenis garis bentuk pakaian.

i. _____

ii. _____

(2 markah)

(b) Huraikan **empat** faktor yang mempengaruhi individu dalam membuat pemilihan pakaian.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

(8 markah)

S3 Pakaian wanita dan kanak-kanak direka supaya menyerlahkan bentuk badan agar kelihatan lebih anggun. Penghilangan gelembung adalah salah satu proses jahitan yang boleh dibuat pada pakaian wanita dan kanak-kanak.

(a) Nyatakan **lima** jenis penghilangan gelembung yang selalu terdapat pada pakaian wanita dan kanak-kanak.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

v. _____

(5 markah)

(b) Tandakan **lima** kedudukan lisu pepaduan yang boleh menghilangkan gelembung pada pakaian dalam **Rajah 8**.



Rajah 8

(5 markah)

S4 Kerja menyusun atur pola haruslah dirancang dengan baik untuk menjimatkan fabrik, kos, dan masa

(a) Nyatakan **lima** tips yang telah anda praktikkan semasa menyusun atur pola?

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

(b) Senaraikan **lima** peraturan yang boleh dipraktikkan semasa menggunting fabrik untuk membuat blaus.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

BAHAGIAN C (40 Markah)

Jawab dua soalan sahaja.

S1 Elemen asas senireka adalah corak, warna, tekstur fabrik, garisan, ruang dan bentuk. Elemen tersebut merupakan sesuatu yang boleh dilihat. Gabungan elemen yang tepat dan bijak dapat menghasilkan suatu rekaan yang sangat menarik dan berkesan.

a. Lukiskan/Lakarkan rekaan fesyen sehelai pakaian wanita yang berbadan **tinggi dan gempal** supaya menjadi kelihatan **kurus dan langsing**. Lukisan/lakaran rekaan fesyen pakaian wanita tersebut hendaklah mempunyai elemen-elemen berikut:

- i. Garis leher.
- ii. Lengan.
- iii. Corak.
- iv. Warna.
- v. Hiasan.

(15 markah)

b. Terangkan dengan jelas kesan **garis leher, lengan, corak, warna** dan **hiasan** yang telah anda lukiskan/lakarkan pada fesyen pakaian wanita tersebut terhadap si pemakai?

(5 markah)

S2 Lengan memberi stail kepada pakaian dan menjadikan rupa pakaian lebih menarik, Ia juga akan memberi kepanasan kepada pemakai dan menutup kecacatan.

a. Nyatakan **lima** ciri lengan padanan rata yang dijahit dengan betul?

(5 markah)

b. Berpandukan gambarajah, terangkan dengan jelas langkah-langkah menjahit lengan padanan rata mengikut urutan yang betul?

(15 markah)

S3 Rekod Kerja bertujuan untuk menyusun sesuatu kerja secara lancar dan sistematik dalam pembuatan pakaian. Perancangannya perlulah teliti dan terperinci.

a. Nyatakan lima perkara yang perlu terkandung dalam sesuatu Rekod Kerja?
(5 markah)

b. Huraikan langkah-langkah menjahit sehelai baju kurung teluk belanga (lelaki) mengikut urutan yang betul sebagaimana yang perlu dicatatkan dalam Buku Rekod Kerja anda?

(15 markah)